

11/03/2004

Umno Cheras anjur majlis makan malam

KUALA LUMPUR: Umno Bahagian Cheras akan menganjurkan Majlis Makan Malam sempena ulang tahun ke-10 penubuhannya 4 April ini dengan kehadiran tetamu kehormat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ketua Umno Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Al Habshee berkata, majlis yang akan diadakan jam 8 malam di Grand Nirwana Ballroom Hotel Mutiara di sini itu, bertujuan untuk merapatkan perpaduan dan hubungan silaturahim di kalangan ahli Umno, pendidik, parti komponen Barisan Nasional (BN), ahli Persatuan Penduduk, Persatuan Surau dan Masjid, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), serta masyarakat di dalam kawasan Parlimen Cheras.

"Pihak kami juga ingin berterima kasih di atas kerjasama, sokongan dan pembabitan mereka dalam menjayakan pelbagai aktiviti Umno Cheras sepanjang tempoh 10 tahun ini," katanya pada sidang akhbar mengenai majlis berkenaan di Pusat Rekreasi Cheras, di sini semalam.